

Nelayan akui pendapatan terjejas teruk

Pasir Gudang: "Dulu perairan Pasir Gudang memang terkenal sebagai lubuk ikan sembilang, tetapi kini hendak tangkap seekor pun perlu mengambil masa sehari suntuk".

Itu antara rintihan nelayan sekitar Pasir Gudang yang mengakui pendapatan mereka terjejas teruk, dipercayai akibat pencemaran sungai dan perairan di kawasan ini.

Seorang daripada mereka yang mahu dikenali sebagai Abu, 30, berkata nelayan di sini terpaksa meredah ke perairan lebih jauh sehingga sempadan daerah Kota Tinggi, termasuk Kong Kong dan Tanjung Surat demi kelangsungan hidup.

"Dulu dalam masa setengah hari saja, kami boleh mendapat sehingga 30 kilogram ikan sembilang, malah udang juga banyak. Kini hendak dapatkan seekor sembilang pun hampir sehari suntuk, apa lagi udang dan ketam,

bayang pun tak nampak.

"Sejak 10 tahun lalu iaitu apabila beberapa kawasan perindustrian dan taman perumahan baru dibuka, setiap bulan akan berlaku kejadian air sungai berubah warna menjadi hitam, malah ada lapisan minyak berbau busuk yang berlarutan sehingga seminggu.

"Ketika itu nelayan pun boleh pitam dan sesak nafas, jadi kami tidak akan ke sungai serta laut. Bagaimanapun, punca air sungai menjadi demikian, kami tidak tahu," katanya ketika ditemui BH.

Beliau mendakwa, fenomena itu menyebabkan banyak hidupan sungai dan laut di kawasan Selat Johor, sama ada mati atau berhijrah ke kawasan lain.

"Ada juga hidupan laut di Selat Johor berjaya dinaiakan nelayan, namun bawah badan terutama ikan dikesan berwarna merah yang kami percaya kesan toksik. Apabila dimasak, bau masakan

B/HARIAN
MS 14

16/7/19



Mohun menunjukkan kawasan pencemaran sisa kimia di muara Sungai Kim Kim yang menjelaskan nelayan di Pasir Gudang. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

seolah-olah bau minyak dan ikan terpaksa dibuang," katanya.

Beliau berkata, nelayan juga tiada pilihan dan terpaksa mencuba nasib di lokasi lebih jauh termasuk sehingga perairan di sempadan Kota Tinggi yang memerlukan mereka mengeluarkan belanja lebih tinggi.

"Kami hanya nelayan pantai, nelayan kecil. Untuk ke kawasan yang jauh, memerlukan belanja besar terutama untuk membeli minyak enjin," katanya.

Sementara itu, Ketua Nelayan

Kampung Orang Asli Teluk Kabong, Mohun Moen, 32, mendakwa nelayan dari penempatan berkenaan menghidu bau busuk yang kuat sebelum menemui lapisan minyak di sepanjang Selat Johor, baru-baru ini.

"Mereka kemudian mendapati bau busuk itu datang dari muara Sungai Kim Kim. Di kawasan berkenaan, boleh dilihat tompokan minyak hitam pada tebing sungai dan pokok bakau.

"Ada hidupan sungai mati, malah bau busuk dikesan itu sama

Ada hidupan sungai mati, malah bau busuk sama dengan bau pencemaran sisa kimia di Sungai Kim Kim, Mac lalu.

**Mohun Moen,
Ketua Nelayan Kampung Orang Asli Teluk Kabong**

dengan bau ketika pencemaran sisa kimia di Sungai Kim Kim, Mac lalu. Selaku ketua nelayan, saya mengadu kepada pihak berkuasa, namun setakat ini belum ada tindakan lanjut diambil," katanya.

Beliau merayu pihak berkuasa menyiasat kejadian itu kerana ia bukan saja menjelaskan mata pencarian nelayan, tetapi turut memberi kesan kepada kesihatan kerana menyebabkan pening, sesak nafas dan mata pedih apabila berada di kawasan dicemari lapisan minyak terbabit.